

SYARIKAT BAS KUALA SELANGOR SENDIRIAN BERHAD  
MASALAH, PENYELESAIAN DAN MASA DEPANNYA

OLEH:

SAZALI BIN AHMAD	81596396
ZULKIFLI BIN ABD. MAJID	81623631
MOHD. ALI BIN K.M.S. ISMAIL	81537559
NAIMAH BT. SHAARI	81570573
JURAI DAH BT. SULONG	81564866

Satu Kajian Penyelidikan Yang Disediakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Dari  
Keperluan Untuk Diploma In  
Business Studies

Kajian Perniagaan dan Pengurusan

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM, SELANGOR

NOVEMBER 1984

ISI KANDUNGANMUKA SURAT

Penghargaan	.. .. .	(i)
Prakata	.. .. .	(iii)
Senarai Jadual		
Senarai Geraf		
Senarai Carta		
Pengenalan	.. .. .	1
Pembukaan		
I	Pernyataan Permasalahan .. .. .	3
II	Objektif .. .. .	4
III	Had-had Penyelidik .. .. .	5
IV	Andaian .. .. .	6
V	Kawasan Penyelidikan .. .. .	7
VI	Methodologi .. .. .	8
BAB 1	: <u>KAJIAN BAHAN</u>	
1.1	Kenderaan Kelang Banting Bhd. .. .. .	10
BAB 2	: 2.1	Pandangan Am .. .. . 12
	2.2	Sejarah Bas .. .. . 12
	2.3	Pertumbuhan Perkhidmatan Pengangkutan 12
	2.4	Perkhidmatan Ekspres dan Tempatan .. 13
	2.5	Sifat Kos .. .. . 13
	2.6	Perhentian .. .. . 13
	2.7	Undang-Undang Kerajaan Mengenai
		Perkhidmatan Bas .. .. . 14

ISI KANDUNGANMUKA SURAT

	2.8	Struktur Cukai Jalan.. .. .	14
	2.9	Premium Insuran .. .. .	15
BAB 3	:	<u>FUNGSI PENGANGKUTAN</u> .. .. .	17
	3.1	Permintaan Ekonomi .. .. .	18
	3.2	Pelbagai Kehendak Ke atas Pengangkutan	19
BAB 4	:	<u>SISTEM PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN</u> .. .. .	21
	4.1	Ketibaan Yang Selamat Bagi Penumpang Dan Barangan .. .. .	21
	4.2	Kelajuan .. .. .	24
	4.3	Keupayaan Muatan .. .. .	24
	4.4	Kakerapan .. .. .	25
	4.5	Keberulangan .. .. .	25
	4.6	Ketepatan Masa .. .. .	25
	4.7	Keselesaian .. .. .	26
	4.8	Kos Yang Berpatutan .. .. .	26
BAB 5	:	<u>LATARBELAKANG SYARIKAT</u>	
	5.1	Sistem Pentadbiran Am .. .. .	28
	5.2	Sistem Perekodan dan Penyimpanan Maklumat .. .. .	28
	5.3	Pengurusan dan Pentadbiran .. .. .	29
	5.4	Masa dan gaji pekerja .. .. .	35
	5.5	Kemudahan Untuk Kakitangan .. .. .	37

## PRA KATA

Laporan ini dibuat untuk nota pelajaran penyelidikan perniagaan, yang mana ia merupakan sebahagian daripada mata pelajaran untuk Diploma Pengajian Perniagaan. Laporan ini disediakan untuk Kajian Perniagaan dan Pengurusan, Institut Teknologi MARA.

Masa yang diambil untuk menyiapkan laporan ini adalah lebih kurang tiga bulan, iaitu bermula pada akhir Julai dan berakhir pada awal bulan November. Lebih kurang sebanyak 208 soalselidik telah diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak ringkas, yang telah diedarkan di tiga kawasan perkhidmatan bas yang utama iaitu:-

- (i) Kelang ke Kapar
- (ii) Kelang ke Meru
- (iii) Kelang ke Kuala Selangor

Dalam menjalankan penyelidikan ini cara-cara berikut telah digunakan:

- (i) soalselidik kepada penumpang.
- (ii) temuduga persendirian dengan:
  - a) Pengurus operasi KSOC
  - b) Pekerja-pekerja bahagian operasi KSOC
  - c) Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, Selangor
  - d) Pegawai Daerah dan Penghulu.
- (iii) Tinjauan.

Dijalankan dengan cara menaiki bas ke kawasan-kawasan utama.

- (iv) Penyelidikan Ilmiah (desk research)

Maklumat yang perlu didapati dari perpustakaan, risalah-risalah surat khabar, buku-buku rujukan dan lain-lain sumber maklumat yang sesuai.

## PENGENALAN

Pada peringkat permulaannya iaitu sebelum tahun 1937, syarikat ini menyediakan perkhidmatan kereta sewa. Kemudian pada tahun 1937, syarikat ini ditukarkan menjadi syarikat bas yang mana ianya ditadbirkan oleh 4 orang ahli lembaga pengarah.

Bagaimanapun, pada masa penyelidikan ini dijalankan, tiada terdapat satu carta organisasi yang disediakan oleh syarikat ini.

Syarikat ini adalah merupakan anak syarikat kepada syarikat Kee Hup Holding yang berpusat di Kuala Lumpur. Syarikat ini dikawal oleh Pejabat Setiausaha yang bertempat di No. 3, Jalan Scott, Kuala Lumpur, manakala sebuah Pejabat Operasi ditempatkan di No. 35, Jalan Kapar, Kelang.

Antara Institusi Kewangan yang menjadi sumber kewangan bagi Syarikat Kuala Selangor Omnibus Company (KSOC) adalah UMBC, Malayan Banking dan Kee Hup Leasing. Syarikat ini juga menawarkan saham yang hanya terhad dan diperuntukkan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah sahaja kerana syarikat ini merupakan sebuah syarikat sendirian berhad.

Buat masa sekarang syarikat ini mempunyai 52 buah bas termasuk 2 buah bas yang baru sahaja dibeli pada tahun 1984.

Syarikat ini menyediakan perkhidmatan melalui 3 laluan-laluan utama iaitu: